

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN MEMELIHARA UNGGAS/ TATACARA PERMOHONAN LESEN MEMELIHARA UNGGAS

PENTERNAK

1. DAPAT KEBENARAN MERANCANG DARI MAJLIS DAERAH, PBT ATAU PERANCANG BANDAR & DESA MENGIKUT LOKASI LADANG ANDA BERADA.
2. PERLU TUKAR SYARAT TANAH (KEPADA PENTERNAKAN) DI PEJABAT TANAH.
3. PASTIKAN JARAK ANTARA LADANG, KEDIAMAN, KAWASAN INDUSTRI, SEKOLAH, TEMPAT IBADAT DAN LAIN - LAIN 200 METER (Rujuk Subsyeksen 6 (2)
 - iii. Lokasi tapak yang menunjukkan jarak garis lurus dari rumah kediaman, kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, klinik, dewan orang ramai, tempat ibadat dan lain - lain yang terdapat pada masa permohonan dibuat dalam jarak 200 meter minimum dari bangunan atau infrastruktur yang digunakan untuk ladang atau loji unggas.)
4. Setelah lulus permohonan KM & tukar syarat tanah , penternak perlu sediakan infrastuktur ladang . Perlu REBAN TERTUTUP SEPENUHNYA menjelang 2026 (kecuali penternakan itik, ayam kampung dan puyuh)
5. JIKA PERKARA DIATAS LENGKAP BARU BUAT PERMOHONAN LESEN DI PEJABAT VETERINAR DAERAH MENGIKUT LOKASI LADANG.
 - i. BORANG PERMOHONAN YANG PERLU DILENGKAPKAN OLEH PENTERNAK
 - a) Borang B (Jadual ketiga)
 - b) Borang A1 (Borang Pendaftaran)
 - c) Borang A2 (Borang Rekabentuk & Dimensi reban)
 - d) Borang A3 (Borang Program Penvaksinan)
 - e) Borang A4 (Borang Pengendalian dan Pelupusan Tinja)
 - f) Salinan kad pengenalan permohon
 - g) Dua keping gambar berukuran passport
 - h) Salinan Pendaftaran Perniagaan dan atau syarikat (Jika ada)
 - i) Salinan geran tanah
 - j) Salinan carian rasmi geran tanah (terbaru)
 - k) Surat kebenaran guna tanah pemilik tanah (jika tanah bukan atas nama permohon)
 - l) Pelan susun atur ladang (layout plan)
 - m) Pelan kontur (jarak 200m radius)
 - n) Salinan lesen sedia ada (bagi permohonan pembaharuan lesen)
 - o) Perubahan pelan susun atur (bagi permohonan pembaharuan lesen) (jika ada)
6. PENTERNAK PERLU SEDIAKAN SEMUA SYARAT-SYARAT LESEN SEPERTI BERIKUT :
 - a. PAGAR PERIMETER YANG LENGKAP
 - b. PENCELUP TAYAR KENDERAAN/SPRAYER BERMOTOR
 - c. PENCELUP KAKI KEKAL

- d. MEMPUNYAI TAPAK PELUPUSAN KARKAS SECARA BAKAR ATAU TANAM.
- e. BACAAN INDEK LALAT MESTI KURANG DARI 14
- f. TIADA BAU BUSUK DI LADANG
- g. MEMPUNYAI REKOD KESIHATAN/LADANG YANG LENGKAP
- h. SEDIAKAN KURUNGAN UNTUK BINATANG PENGAWAL (JIKA ADA)
- i. PERLU MENGGUNAAN EM DI LADANG
- j. MEMPUNYAI STOR UBAT/DRUG YANG SESUAI
- k. MEMPUNYAI SISTEM PEPARITAN DILAKUKAN DENGAN BAIK
- l. TINJA KERING, TIADA LARVA DAN PEMBUANGAN TINJA DILAKUKAN DENGAN BAIK IAITU TIADA PEMBIAKAN LALAT (JIKA TELAH MENTERNAK)
- m. LESEN LADANG DIPAMERKAN (JIKA ADA)
- n. TIDAK TERLIBAT DENGAN ADUAN PENCEMARAN (JIKA TELAH MENTERNAK)
- o. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN NYATA PELESENAN LADANG UNGGAS (Bil (6) dlm JPV.PK. 1/170/11/1-1 bertarikh 13 Zulhijjah 1443H bersamaan 12 Julai 2022)
 - i. Menyediakan pencilup kaki kekal di pintu masuk reban ayam atau kawasan pengeluaran bagi itik, ayam kampung dan puyuh.
 - ii. Setiap ladang mesti mempunyai hanya satu akses kenderaan ke ladang unggas melainkan atas apa-apa sebab yang difikirkan patut oleh pengarah bahawa lebih daripada satu akses boleh dibenarkan.
 - iii. Tiada haiwan peliharaan yang lain di ladang unggas kecuali haiwan pengawal dan kurungan perlu disediakan untuk binatang pengawal tersebut.
 - iv. Penambahan bilangan reban dan apa-apa perubahan struktur reban di ladang unggas perlu mendapat Kebenaran Merancang dari kerajaan Negeri.
 - v. Penggunaan antibiotik wajib diisytiharkan setiap kali mohon pembaharuan lesen ladang unggas. **Borang AMU mesti dilengkapkan dan dihantar bersama borang pembaharuan lesen ladang unggas setiap tahun*
 - vi. Tinja wajib dirawat dengan EM (Effective Mikrob) sebelum dibawa keluar daripada ladang.

Nota *:

1. Memelihara unggas setelah memperolehi lesen memelihara unggas daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar
2. Dapatkan borang Antimicrobial Usage (AMU) daripada Bahagian Regulatori dan Industri Bukan Ruminan, JPV Perak dan Pejabat Veterinar Daerah yang berhampiran.